

Sukarelawan

Belia Malaysia

Peranan sukarelawan dan belia saling berkait rapat antara satu sama lain apabila membincangkan tentang isu pembangunan belia. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2021), sukarelawan merujuk orang lelaki atau perempuan yang bekerja atau melakukan sesuatu secara sukarela, manakala belia pula merujuk golongan muda lelaki atau wanita.

Sukarelawan yang sinonim dengan belia bukan sahaja aktif di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengiktiraf sukarelawan belia dan menetapkan tarikh 5 Disember pada setiap tahun sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa.

Menurut Charities Aid Foundation (2023), sebanyak 4.2 bilion orang belia dan dewasa terlibat dengan aktiviti sukarelawan yang merupakan 72 peratus penduduk di dunia. Aktiviti sukarelawan yang dijalankan adalah bertujuan untuk membantu orang yang tidak dikenali, menyumbangkan wang ringgit dan memberikan khidmat masa dan tenaga.

World Giving Index (2023) pula melaporkan bahawa Malaysia menduduki tangga yang ke-31 daripada 142 buah negara yang begitu aktif dalam membuat kerja sukarela berdasarkan kajian tinjauan

yang dilakukan terhadap rakyat Malaysia. Secara umumnya, penunjuk yang diukur ialah masa yang diperuntukkan oleh individu atau kumpulan dalam membuat aktiviti kesukarelawan.

Prinsip Sukarelawan

Sukarelawan ialah seseorang individu yang melaksanakan suatu aktiviti yang melibatkan masa, tidak berbayar dan bertujuan untuk membantu atau menolong individu, kumpulan, komuniti atau organisasi termasuklah rakan dan saudara-mara. Sukarelawan membantu insan yang memerlukan pertolongan tanpa mengharapkan imbuhan kebendaan atau dipaksa oleh orang lain. Kesukarelawan menyediakan saluran kepada individu untuk menyumbangkan kemahiran dan masa selain memajukan diri sendiri.

Kesukarelawan dapat dirumuskan seperti yang berikut:



Secara umumnya, tujuan setiap sukarelawan adalah untuk menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. Namun begitu, sukarelawan perlu mematuhi prinsip asas dalam melaksanakan aktiviti sukarela seperti yang berikut:

- 1 | Membantu meringankan beban yang dialami oleh seseorang.
- 2 | Memberikan kesedaran mengenai aktiviti sukarela supaya komuniti dapat turut serta.
- 3 | Memberikan peluang kepada komuniti untuk bergaul.
- 4 | Berkongsi kepakaran dan sumber.
- 5 | Mewujudkan sikap kebersamaan.
- 6 | Memupuk semangat bekerjasama.
- 7 | Mengikat perhubungan kejiiran.
- 8 | Membantu agensi yang berkaitan dalam menyampaikan tanggungjawab kepada komuniti.

Sukarelawan bukan sahaja memerlukan prinsip asas tersebut, tetapi juga falsafah dalam merancang dan melaksanakan aktiviti sukarela. Tiga aspek falsafah kesukarelawan yang penting bagi setiap sukarelawan ialah:

- 1 | **Pembangunan komuniti**
- 2 | **Nilai**
- 3 | **Budaya**

1 | Pembangunan komuniti

Dapat dijelaskan melalui dua komponen besar, iaitu ekonomi dan sosial. Dalam aspek ekonomi, khidmat sukarelawan terhadap komuniti dapat mengurangkan kos perkhidmatan sesebuah negara. Contohnya, aktiviti sukarela dapat membantu komuniti mendapatkan kesedaran dalam sesuatu perkara seperti kempen menghapuskan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi. Hasil usaha sukarelawan, komuniti sentiasa berwaspada dengan kebersihan rumah dan persekitaran mereka serta dapat mengelakkan kes demam denggi dan kos rawatan.

Kesukarelawan dari aspek sosial pula dapat diwujudkan melalui perjuangan hak yang sama rata dan hak kemanusiaan sejagat. Contohnya, kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk mengurangkan penggunaan plastik dalam kalangan isi rumah. Melalui hubungan sosial dalam sesebuah komuniti, sukarelawan dapat menghubungkan komuniti dengan agenda mengurangkan penggunaan plastik seperti gotong-royong membersihkan kawasan dengan memperkenalkan strategi yang tertentu.

2 | Nilai

Kerja sukarela dapat dijelaskan melalui kepercayaan sukarelawan terhadap kerja dan tanggungjawab yang sedang dilakukan. Sukarelawan bukan sahaja memberi, membantu dan menolong sesiapa sahaja tetapi bekerja bersama-sama orang lain bagi meningkatkan taraf kehidupan yang lebih bermakna kepada orang yang memerlukan. Sebahagian sukarelawan terlibat dengan kerja sukarela kerana ingin membalas budi dan mencari kepuasan dalam diri sendiri. Nilai dalam kerja sukarela merupakan ciri-ciri intrinsik atau dalaman yang dimiliki oleh seseorang individu.

3 | Budaya

Merupakan aspek terpenting dalam kerja sukarela kerana menyebabkan seluruh komuniti menghargai khidmat sukarela yang diterima. Contohnya, amalan gotong-royong yang telah lama diamalkan di Malaysia, namun masih kekal dalam masyarakat Melayu, iaitu mengadakan kenduri kahwin. Faktor lain yang turut mempengaruhi kerja sukarela ialah dorongan dan sokongan daripada ahli keluarga dan rakan sebaya.

Peranan Sukarelawan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa sukarelawan merupakan tulang belakang kepada sistem sokongan sosial dan ekonomi bagi sesebuah negara di dunia. Peranan sukarelawan tidak terbatas kepada individu atau kelompok yang

kecil, malahan kepada syarikat besar seperti bank. Umumnya, sukarelawan merupakan modal insan dalam pembangunan negara. Sukarelawan juga berperanan sebagai pembina komuniti, iaitu mewujudkan pelbagai organisasi dan perkhidmatan baharu, membentuk hubungan atau ikatan antara komuniti, perantara dalam rangkaian masyarakat untuk jaringan profesional dan tempatan serta menjadi jambatan antara organisasi atau agensi dengan komuniti.

Dalam melaksanakan peranan sebagai sukarelawan, seseorang sukarelawan perlu mematuhi peranan yang berikut:



Mematuhi dasar dan prosedur berkhidmat ialah akur kepada peraturan sebagai seorang sukarelawan yang bernaung dalam mana-mana pertubuhan ataupun bergerak secara sendiri. Setiap pertubuhan sukarela mempunyai matlamat, tujuan dan peraturan yang tertentu.

Sukarelawan perlu menghormati dan mengamalkan privasi serta rahsia orang yang dibantu dengan tertib.

Setiap sukarelawan harus mempunyai etika dalam melaksanakan aktiviti sukarela, iaitu bertanggungjawab mengendalikan aktiviti atau program sukarela tanpa perlu disuruh ataupun diarah untuk berbuat demikian dan khidmat tersebut tidak berbayar.

Sukarelawan perlu menepati waktu dan boleh dipercayai. Mereka juga harus saling mempercayai antara sukarelawan yang lain dengan semua orang yang terlibat dengan aktiviti sukarela.

Sukarelawan juga perlu menghormati penerima atau sesiapa sahaja yang dibantu dalam apa-apa juga keadaan. Kebersamaan dalam aktiviti sukarela menuntut sukarelawan supaya berkongsi setiap masalah bersama-sama kumpulan.

Bagi mewujudkan sukarelawan yang terbaik, semua sukarelawan perlu menghadiri apa-apa sahaja latihan yang berkaitan bagi memantapkan kemahiran dan kebolehan setiap sukarelawan.

Kesemua peranan tersebut dapat menjamin kelancaran tugas setiap sukarelawan yang telah dipersetujui. Sukarelawan juga perlu menjalani sesi penilaian dan menerima maklum balas bagi memastikan peranan serta sumbangan mereka dalam membantu orang yang memerlukan berada pada tahap yang terbaik.

Jenis dan Program Sukarela

Di Malaysia, sukarelawan belia boleh memilih jenis dan program kesukarelawan yang pelbagai. Jenis dan program sukarela yang boleh dilaksanakan termasuklah dalam bidang sukan, pendidikan, pembangunan komuniti, keagamaan, kesihatan, budaya, perniagaan, persekitaran, perkhidmatan kecemasan, ekonomi, bencana alam dan keselamatan. Terdapat empat jenis kerja yang dilaksanakan oleh sukarelawan di Malaysia, iaitu:

1 | Memberikan bantuan

Contoh aktiviti memberikan bantuan termasuklah bantuan yang diberikan oleh pemimpin kepada rakyat seperti sumbangan makanan, bantuan baju untuk persekolahan, bantuan kewangan kepada rakyat miskin, bantuan kepada golongan yang lemah seperti warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal.

2 | Berkhidmat untuk orang lain

Memberikan khidmat kepada orang lain melalui organisasi formal dan tidak formal dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, kebajikan, hubungan sosial, perumahan, literasi dan sukan. Perkhidmatan ini mungkin melibatkan pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan atau sektor swasta pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Contohnya, Majlis kanser Nasional (MAKNA) yang merupakan sebuah pertubuhan sosial bukan kerajaan yang bertanggungjawab memberikan maklumat kepada masyarakat di Malaysia sejak tahun 1995 bagi melawan penyakit kanser. Pertubuhan ini mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk mengurangkan kesakitan, penderitaan dan morbiditi pesakit kanser serta keluarga mereka.

3 | Pelibatan dalam aktiviti sivik

Pelibatan dalam aktiviti yang lebih luas, yang memperakukan kerja sukarela sebagai komponen yang terbukti dan bernilai untuk tadbir urus yang baik. Contohnya, sukarelawan juga terlibat sebagai perwakilan badan perundingan kerajaan untuk belia seperti Majlis Belia Malaysia (MBM). MBM berperanan sebagai badan induk yang bertanggungjawab mendorong kemajuan belia di Malaysia agar menjadi seimbang dalam pelbagai aspek kehidupan. MBM telah memainkan peranan yang penting dalam memajukan golongan belia sejak tahun 1950-an.

4 | Kempen dan sokongan

Aktiviti yang merangkumi gerakan aktivis dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran yang lebih luas dalam pelbagai isu tempatan dan antarabangsa. Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCare) ialah sebuah pertubuhan kemanusiaan yang memperjuangkan kebajikan manusia sejagat. Pada peringkat tempatan, MyCare telah menjadi pelaksana kepada beberapa projek seperti agihan pek makanan, Back2School, latihan keusahawanan, bengkel jana dana, serta program bersama-sama kanak-kanak, remaja dan wanita. Manakala pada peringkat antarabangsa, MyCare telah membantu negara-negara yang sedang bergolak seperti Palestin, Syria, Lubnan dan Yaman, negara miskin seperti Myanmar, Vietnam dan Kemboja serta negara yang ditimpa bencana seperti gempa bumi di Indonesia.

Pelbagai program kesukarelawan boleh dijalankan seperti memberikan bantuan kewangan, pendidikan dan sokongan kepada penduduk setempat.

Kepentingan Sukarelawan

Kepentingan sukarelawan kepada belia di Malaysia turut disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Pada tahun 2022, kementerian tersebut telah melaksanakan inisiatif untuk sukarelawan belia dengan menubuhkan Sukarelawan Belia Nasional (BENA). BENA ditubuhkan bagi menyatukan kesemua belia Malaysia yang pernah mengikuti program kementerian. BENA bertujuan untuk memberikan pengetahuan serta kemahiran kepada mereka yang berminat untuk memperkasakan komuniti dalam bidang kesihatan mental, menangani masalah sosial dan membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat. Bagi menggiatkan sukarelawan belia, pusat panggilan sukarelawan dibuka untuk memudahkan masyarakat mendapatkan khidmat sukarelawan belia secara sistematik.

Sukarelawan belia Malaysia merupakan modal insan yang penting dalam pembangunan negara bangsa. Sukarelawan belia perlu digiatkan dalam kalangan masyarakat dan dijadikan sebagai usaha penting untuk memenuhi keperluan negara serta mencorakkan minda dan sikap masyarakat pada masa hadapan. 🇲🇾



Dr. Siti Raba'ah Hamzah mempunyai ijazah kedoktoran falsafah (PhD) dalam bidang pendidikan pembangunan khususnya pembangunan belia, ijazah sarjana dalam bidang yang sama serta ijazah sosiologi antropologi. Beliau ialah mantan pensyarah (Prof. Madya) di Universiti Putra Malaysia. Beliau mengajar kursus kesukarelawanan dan aktif sebagai sukarela di dalam dan di luar negara. Beliau juga penyelidik dalam bidang belia dan kesihatan, belia dan kepemimpinan, belia dan organisasi serta belia dan kesukarelawanan. Beliau juga penyelaras program belia bersama-sama pihak Komanwel London. Sehingga kini, beliau aktif sebagai satu daripada Ahli Lembaga Pelawat Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkifli Cheras.